

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : UPACARA PEMBUKAAN KURSUS BUNGKUS-MEMBUNGKUS ANJURAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR,  
Lokasi : TINGKAT DUA BANGUNAN BANK RAKYAT, JALAN TANGSI, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 08-02-1983

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana memberi peluang kepada saya bagi membuka dengan rasmi 'Kursus Bungkus-Membungkus' selama 3 hari yang akan dikendalikan oleh tiga orang pakar dari negeri Jepun. Dengan itu saya juga mengucapkan 'selamat datang' kepada ketiga-tiga orang pakar dari Jepun itu.

2. Negara kita memanglah terkenal dengan hasil kraftangannya, seperti tembaga, perak, kayu, anyaman dan lain-lain. Hasil kraftangan tersebut telah menjadi mata-pencarian penduduk negara ini, terutama mereka yang di luar bandar. Dengan semangat ingin membaiki taraf kehidupan di kalangan penduduk luar bandar dan dengan daya usaha pihak Kerajaan menggalakkan lagi pengeluaran hasil tangan yang bermutu, saya berbangga kerana negara ini telah dapat memasarkan hasil-hasil kraftangan bukan sahaja di pasaran tempatan, bahkan sedikit-sebanyak di pasaran luar negeri. Walau bagaimanapun kita mestilah berusaha meningkat penjualan bagi meningkatkan pendapatan pengusaha kraftangan kita.

3. Justeru itu kita terpaksa memikirkan soal-soal pasaran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, supaya penjualan hasil-hasil kraftangan dapat ditingkatkan. Faktor yang penting ialah hasil kraftangan mestilah bermutu dan mempunyai ciri-ciri yang dapat memenuhi citarasa, atau 'taste', pembeli-pembeli. Satu faktor yang dapat memenuhi citarasa pembeli-pembeli ialah hasil kraftangan itu dijual dengan cara yang menarik. Ini termasuklah cara membungkus yang teratur, tertib dan menarik.

4. Kursus yang dianjurkan ini adalah selaras dengan cita-cita kita bagi menjual hasil kraftangan, bahkan barangan lain keluaran negara kita, secara yang menarik sekali. Cara membungkus hasil kraftangan yang menarik menjadi bertambah penting lagi sekiranya hasil kraftangan itu dibeli sebagai hadiah dan dibeli oleh pelancung-pelancung luar negeri.

5. Di sini ingin saya menarik perhatian semua peserta kursus ini bahawa nilai barang-barang yang dijual akan meningkat sekiranya dibungkus dengan cara yang menarik. Ini telah dibuktikan oleh pasaran kraftangan di negara-negara yang maju, khususnya di Negeri Jepun. Hasil kraftangan mereka diisi di dalam kotak dan dibungkus dengan selamat, teratur dan menarik. Manakala hasil kraftangan yang kita pasarkan jarang sekali dikotak dan dibungkuskan sebegitu rupa. Di pasaran yang penuh saingan dewasa ini kita mestilah memikirkan semua aspek yang boleh menarik minat para pembeli. Sekiranya bungkusan dapat menarik minat pembeli, kita mestilah berusaha supaya mutu bungkusan kita dapat bersaing dengan mutu bungkusan negara-negara maju, bahkan kita patut berusaha dapat membungkus lebih baik lagi dari mereka. Kepada masyarakat Jepun, mereka menganggap kerja-kerja membungkus sebagai satu seni, atau 'art', yang mereka minati. Dengan itu, mereka memberi perhatian yang teliti dengan kerja-kerja membungkus; bahkan mereka membungkus dengan cantik dan cermat untuk pembelian biasa di gedung-gedung membeli-belah.

6. Dengan itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana berjaya mengusahakan supaya kursus ini diadakan bagi mempertingkatkan lagi mutu

bungkus-membungkus di kalangan kakitangan agensi-agensi di bawah Kementerian. Saya berharap Kementerian akan berusaha menyediakan satu 'manual' yang menunjukkan cara-cara membungkus bagi berbagai bentuk hasil kraftangan yang akan diajar oleh tiga orang pakar dari Jepun ini. Dengan cara ini segala pelajaran yang diajar di kursus ini dapat dibukukan, dengan gambar dan rajah yang jelas, untuk kegunaan pada masa hadapan. Kementerian seharusnya dapat menyebarkan cara bungkus-membungkus yang diajar di kursus ini seluas-luasnya, tanpa bantuan pakar-pakar asing.

7. Kepada para peserta kursus, saya berharap setiap orang dari tuan-tuan dan puan-puan akan belajar dengan tekun dan memastikan apa sahaja yang diajar difahami benar-benar. Kita mestilah menunjukkan ketekunan sebagai seorang yang ingin mendapat ilmu pengetahuan dari seorang guru. Amalan, atau 'practice' adalah penting bagi mengikuti kursus-kursus berbentuk ini. Saya berharap setiap peserta kursus akan terus mengamalkan apa yang dipelajari untuk meningkatkan kemahiran masing-masing.

8. Di samping itu saya mengambil peluang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kawasho Corporation yang telah bekerjasama mendapatkan pakar dalam bidang pembungkusan dari Tokyo Departmental Store Corporation Ltd., untuk memberi tunjuk-ajar kepada kita tentang cara-cara pembungkusan yang kemas, selamat dan menarik.

9. Akhir kata, saya sekali lagi ingin menyatakan penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pagi ini, dan dengan ini juga saya, dengan sukacitanya, membuka Kursus Bungkus-Membungkus anjuran Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan rasminya.